

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : PUAN ALICE LAU KIONG YIENG  
[ LANANG ]**

**NO. SOALAN : 82**

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan apakah rancangan Kementerian dan jumlah peruntukan yang diluluskan pada tahun 2019 untuk memastikan semua kawasan luar bandar mendapat bekalan elektrik dan bekalan air di Sarawak terutamanya di kawasan P211 Lanang.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah peruntukan yang diluluskan pada tahun 2019 untuk Bekalan Air Luar Bandar (BALB) Sarawak adalah sebanyak RM119.5 juta. Manakala bagi Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB) pula, sebanyak RM241.9 juta.

Bagi Parlimen Lanang, terdapat satu projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) yang akan dilaksanakan iaitu Projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) Sistem Retikulasi Tahun 2016 Negeri Sarawak Zon 7, Bahagian Sibul. Projek ini telah diluluskan di bawah *Rolling Plan* Pertama (RP1) Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe11) dengan kos siling sebanyak RM7.47 juta. Projek ini telah ditender pada 8 November 2018 dan status terkini adalah di dalam proses lantikan kontraktor. Projek ini akan dapat memberi manfaat kepada 248 bilangan buah rumah.

Manakala bagi Projek Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB) pula, Kementerian bermula pada tahun 2013 hingga 2017 telah memperuntukkan sejumlah RM10.0 juta bagi pelaksanaan projek BELB di kawasan Lanang yang telah memberi manfaat kepada 221 pemohon di kawasan tersebut.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, pihak Kementerian sentiasa komited dalam membantu memperluaskan lagi liputan bekalan air dan elektrik di kawasan luar bandar termasuk di Parlimen Lanang. Walau bagaimanapun, pelaksanaannya adalah tertakluk kepada senarai keutamaan Pihak Berkuasa Air Negeri (PBAN) bagi BALB dan Kementerian Utiliti Sarawak (KUS) bagi BELB serta Unit Perancangan Negeri (SPU), Negeri Sarawak.